

KATA BANYAK MAKNA

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

1. I Jangan bocor rahsia kerajaan.
II Bakul sampah itu sudah bocor dan tidak boleh digunakan lagi.
III Tangki itu bocor, oleh sebab itulah air berkurangan
IV Biar bocor di perut, asalkan jangan pecah di mulut.

A. I dan II sahaja
B. I dan III sahaja
C. II dan III sahaja
D. II dan IV sahaja

2. I Johari ada hati pada anak jirannya.
II Sentiasa hati ketika berada di jalan raya.
III Tolong beri hati ketika guru sedang mengajar.
IV Hati ayam sedap jika digoreng hingga garing

A. I sahaja
B. I dan IV sahaja
C. I, II dan III sahaja
D. II, III dan IV sahaja

3. I Kakak menggunakan pisau yang tajam untuk memotong daging.
II Mariati suka memotong percakapan kakak dengan abang.
III Pada hujung minggu, Amni selalu memotong kukunya.
IV Semua kenderaan dilarang memotong di kawasan selekoh.

A. I dan IV sahaja
B. I, II dan III sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV

4. I "Pengalaman saya dalam bidang pertanian masih rendah," kata Siti Raudah.
II Walaupun harga barang itu mahal tetapi mutunya rendah.
III Hayati rendah diri setiap kali bercakap dengan ibunya.
IV Zinnirah menjawab pertanyaan ayahnya dengan suara yang rendah.

A. II dan III sahaja
B. II dan IV sahaja
C. I, II, dan III sahaja
D. II, III, dan IV sahaja

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

5. I Nenek menyambut kepulangan kakak dengan senang hati.
II Saya senang sungguh sekiranya kamu dapat datang nanti.
III Orang yang senang itu telah memberi derma kepada anak-anak yatim.
IV Empat orang sahabat itu lebih senang pergi ke bandar bersama-sama.

- A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

6. I Masyarakat Orang Asli diberi ubat bagi mengelak daripada terkena sebarang penyakit.
II Pak Abu tidak menyedari bahawa kainnya terkena lumpur semasa di bendang pada pagi tadi.
III Persatuan Pengguna menasihati orang ramai agar berhati-hati semasa berbelanja sebelum terkena.
IV Puan Seri Kasmah terkena serawan kerongsang pada baju kebaya merah jambunya.

- A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

- 7 I Guli yang dimainkan oleh kanak-kanak itu berbentuk bulat.
II "Jangan percaya bulat cakap lelaki asing itu," kata ibu kepada kakak.
III "Bulat sungguh bentuk roti yang abang beli itu," kata abang Jais.
IV Perut yang bulat sangat jelas kelihatan apatah lagi berbaju nipis.

- A I sahaja
B I dan II sahaja
C I dan III sahaja
D III dan IV sahaja

- 8 I Guru Besar berbual dengan pengusaha kantin.
II Dia besar di Kampung Seri Andalas.
III Salim besar hati kerana dijemput ke majlis itu.
IV Rumah besar itu kepunyaan Encik Mahathir dan Puan Marsunah.

- A. I dan IV sahaja
B. I, II dan III sahaja
C. I, III dan IV sahaja
D. II, III dan IV sahaja

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

9. I Air sungai itu tidak dapat mengalir kerana banyak sampah.
II Semangat 'Yakin Boleh' mengalir dalam tubuh Datuk Borhan.
III Darah mengalir daripada luka pada lututnya sejak semalam.
IV Air mata mengalir lalu membasahi pipi Nadiyah yang putih gebu itu..

- A. I dan IV sahaja
B. I, II dan III sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV

10. I Harun suka minum air yang tawar setiap pagi.
II Lelaki itu mahu tawar harga sepasang kasut.
III Dia akan tawar fikirannya dalam mesyuarat itu.
IV Datuk suka makan ikan air tawar.

- A I dan II sahaja
B I dan IV sahaja
C II dan III sahaja
D I, II, dan IV sahaja

11. I Lelangit saya luka kerana tercucuk tulang ikan.
II Lelangit gelap mungkin tanda hari hendak hujan.
III Lelangit di bilik tidur nenek sudah reput dan usang.
IV Lelangit Jalal terpaksa dibedah akibat kemalangan itu.

- A. I, II dan III sahaja
B. I, III dan IV sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV

12. I Beberapa bahagian bangunan itu sudah rosak.
II Tiga bahagian daripada kuih itu sudah dimakannya.
III Harta itu dibahagikan kepada dua bahagian sahaja.
IV Bahagian belakang badan nenek selalu sahaja sakit.

- A. I dan III sahaja
B. I, II dan IV sahaja
C. II, III dan IV sahaja
D. I, II, III dan IV

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 13 I Pencuri itu tidak memberikan apa-apa reaksi ketika disoal siasat oleh polis.
II "Bawalah apa-apa ketika menziarahi sahabat yang sakit," pesan emak.
III "Jangan apa-apa anak saya itu," kata Badri kepada penculik itu.
IV "Ada apa-apa yang kamu tidak faham?" tanya Cikgu Ramlah kepada murid-muridnya.
- A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV
- 14 I Sudah menjadi adat berniaga ada untung, ada rugi.
II "Orang tamak selalu rugi" cerita Cikgu Kamarul Aini..
III Ibu berpesan supaya belajar dengan rajin dan tidak rugi masa.
IV Jangan cuba-cuba menghisap rokok. Perbuatan ini merugikan badan.
- A. I dan II sahaja
B. I dan III sahaja
C. II dan IV sahaja
D. III dan IV sahaja
15. I Ayah Mazlan ialah seorang juara dikir barat.
II Dia memang seorang juara tentang pakaian.
III Saya sangat meminati juara kamu itu.
IV Dalam pertandingan itu dialah juara.
- A I dan II sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 16 I Pasar Raya Tunas Manja menawarkan harga barang yang cermat.
II Puan Fatimah memandu keretanya dengan cermat.
III Cermat sekali Nur Zana meniti titian yang licin itu.
IV Kakak menasihati adik supaya cermat berbelanja.
- A I dan II sahaja
B II dan IV sahaja
C I, III, dan IV sahaja
D II, III, dan IV sahaja

PEMAHAMAN (Bahagian B)

LATIHAN 1

Isi tempat-tempat kosong dalam ayat dengan kata sendi nama yang paling sesuai.

1. Rombongan itu datang _____ Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Pelbagai promosi dijalankan _____ menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2015.
3. Puan Salmah meminta anak perempuannya membeli kain batik sebagai cenderamata semasa menyertai lawatan _____ Terengganu.
4. Cahaya matahari jelas kelihatan _____ kaki langit pada waktu senja di Pantai Cherating.
5. Walaupun dia berbangsa Cina, tetapi sangat fasih bertutur _____ bahasa India.

LATIHAN 2

Isi tempat kosong dengan kata adjektif yang sesuai.

benci	sayang	senang	ketat
sempit	terharu	sedih	gembira

Sebagai anak sulung, Arifah selalu membantu dan membimbing adik-adiknya dalam pelajaran. Kedua-dua orang adik Arifah sangat _____ akan kakaknya itu. Sikap Arifah yang penyayang juga sangat disenangi oleh datuk dan neneknya. Semasa datuk dan neneknya berkunjung ke rumah mereka, Arifah sibuk membantu ibunya di dapur. Rumahnya yang agak _____ disusun dengan kemas supaya kelihatan cantik dan selesa. Nenek dan datuknya amat _____ dengan perangai cucu mereka itu. Mereka memberikan seutas rantai emas sebagai hadiah dan ganjaran kepada Arifah. Arifah amat _____ dan bangga menerima hadiah itu. Dia mengucapkan terima kasih kepada datuk dan neneknya.

LATIHAN 3

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.

sengit	segak	mesra	hangat
manja	nakal	garang	cantik

- 1 Budak yang _____ itu telah dimasukkan ke sekolah pemulihan akhlak.
- 2 Semua yang hadir dalam majlis itu telah dilayan dengan _____ oleh kakak.
- 3 Pertarungan _____ antara kedua-dua pendekar itu telah menggegarkan stadium.
- 4 Pakaian yang digayakan oleh peragawati dalam pertunjukan fesyen itu sungguh _____.

LATIHAN 4

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberikan.

merestui	menawan	menjajah	meminati
meluncur	menggapai	mengikut	menempuh

Saya ingin _____ jejak abang saya. Semenjak kecil lagi, saya sangat _____ bidang kejuruteraan enjin. Saya ingin menjadi pereka kereta nasional. Saya mahu kereta ciptaan saya megah _____ di jalan raya di seluruh pelosok Malaysia. Lebih-lebih lagi, saya ingin melihat kereta tersebut _____ jalan raya di luar negara.

LATIHAN 12

Baca iklan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.



Perkataan *festival* boleh digantikan dengan perkataan_____

a. Berapa hariakah Festival Buku Kanak-kanak 2011 tersebut diadakan ?

b. Tandakan (✓) bagi ayat yang betul dan (X) bagi ayat yang salah.

i. Kerja-kerja memperdalamkan parit di sepanjang jalan Titi Serong ditangguhkan buat sementara waktu.	
ii. Kejohanan Olahraga Tahunan SK Parit Haji Taib akan diadakan di Stadium Mini Bagan Serai pada minggu hadapan.	
iii. Kita hendaklah saling tolong-menolong agar kerja yang sukar menjadi mudah.	
iv. Nurkamaliah bersyukur di atas kejayaan cemerlang yang dicapainya dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun .	

Teliti iklan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Sahutlah Cabaran

Anda berbakat dan cinta akan perpaduan? Serailah pertandingan yang bakal mencungkil bakat dan mengemarakkan semangat perpaduan anda. Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tiada siapa yang tahu. Mungkin andalah juara yang kami cari.



Pertandingan Deklamasi Puisi Perpaduan
Bersempena dengan Hari Perpaduan

Tarikh : 11 Julai 2016
 Masa : 8.00 pagi
 Tempat : Dewan Gemilang
 Sekolah Kebangsaan Taman Kencana

Syarat

- Terbuka kepada murid tahap dua.
- Penyertaan adalah secara berkumpulan.
- Setiap kumpulan mestilah terdiri daripada tiga orang peserta yang berbilang kaum.
- Keputusan pengadil adalah muktamad.

Sesilapa yang berminat, sila hubungi Cikgu Syafik atau Cikgu Ang.

Tarikh tutup penyertaan: 4 Julai 2016



Hadiah menarik menanti anda!

a. Berapakah syarat yang telah ditetapkan kepada peserta deklamasi puisi perpaduan ini?

b. Siapakah yang layak menyertai pertandingan deklamasi puisi di atas ?

c. Di mana dan bilakah pertandingan deklamasi puisi ini akan diadakan?
